

26/08/1998

Patriotisme: Kepentingan ramai mengatasi diri

PATRIOTISME tidak datang bergolek, tetapi diasuh, dipupuk serta memerlukan visi yang jelas seperti yang dinyatakan oleh gadis Klang, Beverly Lim itu. Sentimen patriotisme yang pada dasarnya ialah perasaan terhadap satu-satu objek yang dianggap keramat hingga sanggup berkorban untuknya. Mungkin bukan satu naluri di sisi manusia, walaupun kita perhatikan sifat perkumpulan dan kemiripan mengutamakan kumpulan dapat dilihat pada haiwan yang tentunya berpandukan naluri semula jadi. Lebah misalnya membentuk perkumpulan di sekeliling induk atau ratunya. Tetapi bagi manusia perasaan kasih kepada negara bangsanya harus dipupuk dan disedarkan.

Dalam zaman moden ini, walaupun negara-bangsa mempunyai legitimasi perundangan dan perlembagaan, patriotisme cuma dapat dipupuk dengan berkesan melalui proses sosialisasi atau pendidikan. Dan ia diperkukuhkan pula oleh lambang-lambang kenegaraan.

Dalam kegawatan ekonomi yang kita alami sekarang, patriotisme adalah sikap dan perlakuan yang membantu memulihkan ekonomi negara. Perlakuan yang lazim timbul dalam konteks patriotisme seperti yang dimanifestasikan oleh fungsi tentera apabila kedaulatan negara diancam musuh menjadi relevan. Tetapi seperti diperingatkan oleh Dr Mahathir, kegawatan yang kita alami juga adalah ancaman dari luar. Dengan tidak menidakkan kelemahan kita sendiri dalam menangani ekonomi kita, payah tidak hendak menerima adanya konspirasi pihak-pihak yang berkepentingan di Barat untuk melemahkan ekonomi kita seperti yang jelas dilakukan baru-baru ini oleh mereka.

Rancangan kerajaan hendak menjual bond di Barat bagi mengongkosi projek memulih ekonomi kita terpaksa ditangguh kerana penarafan kita sebagai peminjam diturunkan sewenang-wenangnya. Kalau ini bukan serangan terhadap kita dalam usaha kita memulihkan keadaan, apa namanya itu? Ini jelas kerana sebab yang diberikan tidak logis. Kononnya penarafan diturunkan kerana 'The rapid deterioration in Malaysia's economy this year', walaupun Malaysia telah menunjukkan keupayaan memantapkan ekonominya berbanding negara-negara lain yang bermasalah. Kononnya, "...the rating agencies look ahead not back...". (Asiaweek, 7.8.1998, hal. 57). Kalau serius mahu memperbaiki keadaan tentulah 'look ahead' lebih penting. Tambah lagi, walaupun dianggap sepi pada mulanya kenyataan lantang Dr Mahathir serangan penyangak matawang pada mula kegawatan kita, suara-suara yang senada mula kedengaran daripada Australia, Afrika Selatan dan media Barat apabila penyangak-penyangak itu mula menyerang dolar Australia, rand Afrika Selatan, ruble Russia atau baru-baru ini Pasaran Saham Hong Kong. Seperti kata sebuah makalah, "Mereka sekarang bersuara seperti Dr Mahathir juga".

Apa yang hendak diperkatakan di sini ialah kegawatan yang kita alami sekarang ini seolah-olah suasana perang juga, kerana serangan datang daripada yang diketahui lawan, iaitu pihak-pihak berkepentingan di Barat, atau yang merupakan kawan yang menggunting dalam lipatan, iaitu bank-bank negara jiran yang menggoda hartawan-hartawan kita menyimpan di bank-bank mereka dengan tawaran kadar faedah begitu tinggi berbanding bank-bank kita sendiri.

Ancaman ini ditangkis oleh perancangan kerajaan seperti Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan kempen lain seperti galakan menabung, membeli barangan Malaysia, membantu institusi-institusi kewangan negara dengan menaruh keyakinan kepadanya. Tetapi perancangan dan usaha kerajaan banyak bergantung kepada respon positif rakyat Malaysia. Dalam konteks inilah

kita harus mengukur sejauh mana patriotiknya rakyat Malaysia dalam membantu memulihkan ekonomi kita dan menangkis serangan luar yang memang tidak ketara kepada penglihatan umum.

Seperti juga ukuran patriotisme yang dimanifestasikan oleh askar di medan perang yang mempertaruhkan nyawa demi kedaulatan negara-bangsanya, iaitu satu pengorbanan, begitu juga ukuran patriotisme kita dalam masa kegawatan ekonomi sekarang. Kesanggupan peniaga tidak mengaut untung berlebihan, tidak menyorok barang dagangan bagi menaikkan permintaan kerana susah didapati, dan dengan itu menyumbang kepada inflasi dengan menaikkan harga, dan pelbagai lagi karenah perdagangan, adalah patriotisme juga, walaupun pada dasarnya adalah perlawanan antara kepentingan diri dan kepentingan ramai.

Sememangnya patriotisme bukan sekadar cintakan tanah air atau sayangkan negara-bangsa, ia adalah penjelmaan kepentingan ramai mengatasi kepentingan diri. Seruan PM bagi yang berharta menyimpan di bank-bank tempatan dengan kadar faedah yang lebih rendah daripada mengejar faedah lebih tinggi di bank-bank negara jiran cuma akan disambut oleh mereka yang benar-benar ingin menyumbang ke arah pemulihan ekonomi.

Tambah lagi bagi menyemarakkan lagi kegiatan ekonomi di negara ini, seruan PM supaya diturunkan kadar faedah pinjaman bank tempatan akan menguji sama ada kita sanggup berkorban bagi ekonomi negara dengan terus menyimpan di bank tempatan atau terus mengejar faedah tinggi di bank asing.

Cuma kesanggupan berkorban demi kepentingan negara-bangsa, sesuatu yang didorongi oleh patriotisme yang mendalam, dapat menjayakan seruan PM itu. Ini bukannya sesuatu yang istimewa, kerana selain daripada rasa patriotisme yang sedia tertanam melalui sistem pendidikan, ia dapat difikirkan secara rasional.

(END)